

Ruj. Kami : Bil (10) dlm. MPT 1/7/37-JLD 3
Tarikh : 07 Februari 2019

KEPADA YANG BERKENAAN;

Y.Bhg.Dato'/Tuan/Puan,

JEMPUTAN SEMINAR PEMANTAPAN PROSES PERMOHONAN PEMAJUAN & TATACARA PERMOHONAN PERUNDING MELALUI OSC ONLINE KE PBT

Dengan hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Unit Pusat Setempat (OSC), MPT akan mengadakan **Seminar Pemantapan Proses Permohonan Pemajuan & Tatacara Permohonan Perunding Melalui OSC Online Ke PBT** selaras dengan arahan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).
3. Sehubungan itu, jabatan dengan besar hati menjemput YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan ke seminar berkenaan seperti ketetapan berikut :-

Tarikh : 26 March 2019 (Selasa)
Masa : 8.30 pagi – 1.00 tengahari
Tempat : Dewan Tun Razak, Temerloh, Pahang

4. Bersama-sama ini disertakan **Flyer** dan **Borang Pengesahan Kehadiran** bagi perkara berkenaan. Borang Pengesahan Kehadiran tersebut boleh difaks ke talian **09-2901664** atau emailkan kepada **osctemerloh@gmail.com**. Permohonan pengesahan hendaklah dibuat **selewat-lewatnya pada 20 Mac 2019 (Rabu)**. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi urusetia : **En. Nor Akhiruddin B. Mohamad Nazri (09-2901497/ 018-9099309)** dan **En. Fakhru Helmi B. Ali Yasa' (09-2901793/ 017-9164905)**. Penyertaan dan tindakan selanjutnya daripada pihak Y.Bhg.Dato'/Tuan/Puan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sbg Ruj. Kami : Bil (10) dlm. MPT 1/7/37-JLD 3

bertarikh 02 Februari 2019

Sekian dimaklumkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
”KHIDMAT MESRA UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(JEZLILY BINTI JAMALUDDIN, SMP)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Temerloh



SEMINAR **PEMANTAPAN**
PROSES PERMOHONAN PEMAJUAN &
TATACARA PERMOHONAN PERUNDING
MELALUI **OSC ONLINE** KE PBT

Anjuran
Bahagian Pusat Setempat, MPT

26 Mac 2019
Dewan Tun Razak, Temerloh

DAFTAR SEGERA
TERHAD KEPADA 300 PESERTA SAHAJA

terbuka kepada :
arkitek, perancang
bandar,
jurutera,
arkitek landskap,
jurukur, pemaju,
pelukis pelan

Jemputan lebih
30 PBT seluruh
Malaysia
& wakil Pihak
Lembaga
Badan Profesional

 **CPD**
POINT FOR MEMBER

- ⦿ LAM
- ⦿ MIP
- ⦿ ILAM
- ⦿ BEM
- ⦿ LTJ

OBJEKTIF SEMINAR

OSC Online adalah satu usaha kerajaan untuk mempertingkatkan penyampaian kepada pelanggan menerusi prosedur yang telus dalam aspek kawalan pembangunan merangkumi urusan penyerahan dan pemprosesan pelan-pelan pemajuan. Sistem ini merupakan sistem tadbir urus Pihak Berkuasa Tempatan dalam mengemukakan pelan cadangan pemajuan secara elektronik (e-penyerahan) dan penyelenggaraan agensi teknikal secara online (e-pemprosesan)

Bengkel ini merupakan sesi penerangan secara terperinci kepada Pemilik Projek/Pemaju, PSP dan PBT dari segi tatacara menghantar permohonan secara sehingga mendapat keputusan secara online. Ini dapat mengurangkan kesilapan dan ketidakcekapan teknikal secara berulang semasa pihak berkenaan menghantar dan memproses permohonan.

SEKILAS OSC ONLINE DI MPT

Majlis Perbandaran Temerloh telah melaksanakan OSC Online secara "full cycle" iaitu bermula daripada pendaftaran permohonan pelan sehingga ke peringkat CCC. Dua orang kakitangan di Bahagian OSC Online MPT telah dilantik menjadi Subject Matter Expert (SME) oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dimana dipertanggungjawabkan untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar secara teknikal berkenaan OSC Online. Sepanjang tahun 2015-2017 Pihak OSC Majlis Perbandaran Temerloh juga memberikan ceramah sebanyak 50 kali ke serata PBT mahupun mewakili pihak Kerajaan Tempatan dalam pelaksanaan OSC Online.

TENTATIF SEMINAR

7.45 - 8.45 pagi :

Pendaftaran & sarapan pagi

9.00 - 9.15 pagi :

Bacaan Doa

9.15 - 10.30 pagi :

Ceramah Tatacara Permohonan Perunding Melalui OSC Online ke PBT

Modul 1 : Pemilik Projek/Pemaju Kepada Perunding

10.30- 10.45 pagi

Tea Break

10.45- 11.30 tengah hari :

Modul 2 : Perunding kepada PBT

12.15 - 1.00 petang

Upacara Penutup & Perasmian Seminar

1.00-2.00 petang

- Makan tengahari

(Ikan Patin Tempoyak Istimewa Dari Kedai Terbaik - Tambah Selagi Tak Kenyang)

- Penyerahan Sijil dan Resit Di Kaunter & Bersurai

SYARAT & TERMA

1. Yuran pendaftaran adalah sebanyak RM 250 / Seorang bagi Perunding/pemaju / orang awam.
2. Bayaran termasuk sarapan pagi, makan tengah hari, nota, beg seminar, cenderahati, serta bahan-bahan seminar yang lain.
3. Pendaftaran hendaklah dijelaskan SEBELUM / SEMASA hari pendaftaran sahaja.
4. Peserta yang telah mendaftar tetapi gagal untuk hadir, yuran pendaftaran tidak akan dikembalikan sebaliknya dibenarkan untuk digantikan dengan peserta lain.
5. Tarikh tutup penyertaan adalah sebelum 20MAC 2019
6. Tempat adalah terhad kepada 300 orang sahaja.
7. Sila bawa lap top (jika perlu) bagi peserta yang inginkan membuat hand on semasa bengkel ini dijalankan.

HUBUNGI :

En. Akhiruddin : 09-290 1497

En. Fakhrul : 09-2901458

Pn. Puteri : 09-2901793

En. Shahrizam : 09-2901791

EMAIL : osctemerloh@gmail.com



TENTATIF
SEMINAR PEMANTAPAN PROSES PERMOHONAN PEMAJUAN & TATACARA
PERMOHONAN PERUNDING MELALUI OSC ONLINE KE PBT

Tarikh : 26 Mac 2019 (Selasa)
 Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
 Tempat : Dewan Tun Razak, Temerloh

MASA	AKTIVITI
7.45 – 8.45 PG	- Pendaftaran - Sarapan Pagi
9.00 – 9.15 PG	- Bacaan Doa
9.15 – 10.30 PG	- CERAMAH TATACARA PERMOHONAN PERUNDING MELALUI OSC ONLINE KE PBT <u>MODUL 1 : PEMILIK / PEMAJU KEPADA PERUNDING</u>
10.30 – 10.45 PG	- Tea Break
10.45 – 11.45 PG	<u>MODUL 2 : PERUNDING KEPADA PBT</u>
12.15 – 1.00 PM	<u>UPACARA PENUTUP / PERASMIAN SEMINAR</u> - Ucapan Alu-Aluan Oleh (Y.Bhg. Puan Jezlily Binti Jamaluddin, SMP.) Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Temerloh - Ucapan Dan Perasmian / Penutup Oleh (Y.Bhg. Dato' Noor-Ihsan Bin Haji Che Mat) Ketua Pengarah, Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT
1.00 – 2.00 PM	- Makan Tengahari (Ikan Patin Tempoyak Istimewa dari kedai terbaik-Ambil Selagi Tak Kenyang) - Menyerahkan Sijil Serta Resit Dikaunter, Solat Dan Bersurai

Ceramah Disampaikan oleh :

En. Shahrizam Bin Abd Rahman, PKC.

Bahagian Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Temerloh

Subject Matters Expert (SME) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN
SEMINAR PEMANTAPAN PROSES PERMOHONAN PEMAJUAN & TATACARA PERMOHONAN
PERUNDING MELALUI OSC ONLINE KE PBT**

Ketua Bahagian Pusat Setempat,
Majlis Perbandaran Temerloh,
Jalan Ahmad Shah
28000 Temerloh
Pahang Darul Makmur
No. Tel : 09-2901777/78/79 (operator)
 : 09-2901792 (Bahagian OSC)
Faks : 09-2901664

Tuan/Puan,

Berikut adalah senarai nama pegawai yang akan hadir ke Seminar Pemantapan Proses Permohonan Pemaajuan & Tatacara Permohonan Perunding Melalui Osc Online Ke PBT pada **26 Mac 2019 (Selasa)** :

BIL	NAMA	JAWATAN	SYARIKAT / FIRMA	NO.TEL PEJABAT
1.				
2.				
3.				
4.				

Bayaran : RM 250.00 / 1 orang

Sekian, terima kasih.

Nama : _____

No.Tel : _____

Tarikh : _____

Cop Jabatan :

Bayaran : **Bersama-sama ini disertakan wang TUNAI / CEK sebanyak(Ringgit Malaysia) atas nama 'KOPERASI KAKITANGAN MPT BERHAD'**

Borang Pengesahan Kehadiran hendaklah dikembalikan secara **emel ke alamat osctemerloh@gmail.com, fax di talian 09-2901664** atau **terus di Pejabat OSC**, Bangunan Pandu Lalu, MPT selewat-lewatnya **sebelum** atau **pada 20 Mac 2019 (Rabu)**.